PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603- 5544 7000
No. Faks : 603 -5510 2658
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : http://ptg.selangor.gov.my

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Bil. (31) dlm. PTGS/CR01/00/2000 Jld.5
23 Disember 2010

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan SSAAS,
40000 SHAH ALAM.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 19, Bangunan SSAAS,
40000 SHAH ALAM.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor,
Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri,
Tingkat 4, Bangunan SSAAS,
40000 SHAH ALAM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor,
Tingkat 12, Bangunan SSAAS,
40000 SHAH ALAM.

Y.A.B.Tan Sri Dato' Seri / Y.B. Dato'/ Y.B. Datin Paduka,

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL.15/2010 -TATACARA PEMBERIAN DAN TUNTUTAN GANJARAN BAGI TINDAKAN PERAMPASAN TANAH PELANGGARAN SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 128 KANUN TANAH NEGARA, 1965 TERHADAP TANAH-TANAH YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI PENGELUARAN PASIR SECARA TIDAK SAH DI NEGERI SELANGOR

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.15/2010 untuk rujukan pihak Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri / Y.B. Dato' / Y.B. Datin Paduka.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG, G, 2, 3, 4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603 - 5544 7000
No. Faks : 603 - 5510 2658
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : http://ptg.selangor.gov.my

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Bil. (32) dlm. PTGS/CR01/00/2000 Jld.5

17 Muharram 1432 H
23 Disember 2010

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL. 15 / 2010

TATACARA PEMBERIAN DAN TUNTUTAN GANJARAN BAGI TINDAKAN PERAMPASAN TANAH PELANGGARAN SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 128 KANUN TANAH NEGARA, 1965 TERHADAP TANAH-TANAH YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI PENGELUARAN PASIR SECARA TIDAK SAH DI NEGERI SELANGOR

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2010 yang bersidang pada 20 Oktober 2010 telah memutuskan supaya ganjaran sebanyak RM5,000.00 hingga RM20,000.00 diberikan kepada Pejabat Tanah Daerah yang telah melakukan tindakan perampasan tanah untuk pelanggaran syarat di bawah Seksyen 128 KTN 1965 bagi tanah berimilik yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.15/2010 sebagai panduan terhadap keputusan tersebut untuk makluman pihak Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan

SENARAI EDARAN

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Petaling,
No.9, Jalan Kemajuan SS 16/1,
47500 SUBANG JAYA.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Klang, Jalan Kota,
41902 KLANG.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat,
Kompleks Pentadbiran Daerah, Seksyen 9,
43650 BANDAR BARU BANGI.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat,
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat (Sg. Sedu)
42700 BANTING.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Sepang,
Bangunan Tun Aziz,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 SEPANG.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Gombak,
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai,
Bandar Baru Selayang,
68100 BATU CAVES.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor,
45000 KUALA SELANGOR.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor,
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 KUALA KUBU BHARU.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah / Tanah Sabak Bernam,
45300 SUNGAI BESAR.

EDARAN DALAMAN

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pengurusan)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran)

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Hakmilik Strata

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat

Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah

Penolong Pengarah
Bahagian Pendaftaran Hakmilik

Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal

Penolong Pengarah
Bahagian Hasil

Penolong Pengarah
Bahagian Korporat

Pegawai Undang-Undang 1
Bahgian Perundangan

Pegawai Undang-Undang 2
Bahagian Perundangan

Sila panjangkan kepada Pegawai / Kakitangan Bahagian tuan/puan yang berkaitan.

SALINAN KEPADA

Ketua Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM.

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BILANGAN 15/2010

==========

TATACARA PEMBERIAN DAN TUNTUTAN GANJARAN BAGI TINDAKAN PERAMPASAN TANAH PELANGGARAN SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 128 KANUN TANAH NEGARA, 1965 TERHADAP TANAH-TANAH YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI PENGELUARAN PASIR SECARA TIDAK SAH DI NEGERI SELANGOR

---

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) mengenai **tatacara** pemberian dan tuntutan **ganjaran bagi tindakan perampasan tanah untuk pelanggaran syarat di bawah Seksyen 128 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 terhadap tanah-tanah yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah** di Negeri Selangor selaras dengan keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38 / 2010 yang diadakan pada 20 Oktober 2010 telah memutuskan supaya ganjaran sebanyak RM5,000.00 hingga RM20,000.00 diberikan kepada PTD yang telah melakukan tindakan perampasan tanah untuk pelanggaran syarat di bawah Seksyen 128 KTN 1965 bagi tanah berimilik yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah.

2.2 Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah diarahkan oleh MMKN untuk menyediakan satu tatacara yang jelas bagi melaksanakan tuntutan dan pemberian ganjaran seperti mana yang telah diputuskan oleh MMKN tersebut.

3. KAEDAH PEMBERIAN DAN TUNTUTAN GANJARAN

3.1 Kaedah Pemberian Ganjaran

3.1.1 Pembayaran akan dibuat kepada pihak PTD **melalui Kelab Kebajikan dan Sukan PTD** setelah tamat tempoh rayuan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 418 KTN 1965 dan juga sehingga tanah tersebut terletak hak kepada PBN.

3.1.2 Jumlah pemberian ganjaran adalah mengikut keluasan tanah seperti berikut:

Keluasan Tanah	Jumlah Ganjaran
Kurang dari 1 ekar	RM 5,000.00
1 ekar hingga 20 ekar	RM 10,000.00
Lebih dari 20 ekar	RM 20,000.00

3.2 Kaedah Tuntutan Ganjaran

Semua tuntutan hendaklah dibuat melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan tatacara tuntutan adalah seperti berikut:

3.2.1 Tuntutan hendaklah dibuat oleh Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan;

3.2.2 Setiap tuntutan hendaklah dibuat menggunakan **Borang A** yang disediakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (seperti di lampiran);

3.2.3 Setiap tuntutan hendaklah diiringi dengan dokumen-dokumen sepertimana yang diperlukan di dalam **Borang A**;

3.2.4 Pengarah Tanah dan Galian Selangor hanya akan memperakui permohonan yang lengkap. Permohonan yang tidak lengkap akan dipulangkan semula kepada Pentadbir Tanah yang berkenaan;

3.2.5 Semua permohonan yang diperakui akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri untuk urusan pembayaran;

3.2.6 Pembayaran akan dibuat terus oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri kepada PTD yang berkenaan melalui **Kelab Kebajikan dan Sukan PTD.**

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling ini hanya terpakai bagi semua perampasan tanah-tanah yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah yang telah dirampas pada atau selepas 1 Januari 2010.

4.2 Pelaksanaan arahan dan tatacara di dalam pekeliling ini disifatkan berkuat kuasa pada 20 Oktober 2010.

(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 1 Dis. 2010